

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR PANEL SISA INDUSTRI DAN BINAAN MPKJ 2025

1. **Berdaftar** dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** (jika berkenaan), **Suruhanjaya Koperasi Malaysia** (jika berkenaan), **Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)** (jika berkenaan), ahli kepada **mana-mana pertubuhan** perniagaan ataupun Badan Ikhtisas yang berkaitan seperti **Waste Management Association of Malaysia (WMAM)**, **Solid Waste Contrator's. Association (SUWACO)**, atau berdaftar dengan mana-mana badan akreditasi yang diperakui oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
2. Mengemukakan maklumat **keupayaan peralatan/jentera/kenderaan** (kompaktor, *arm-roll*, RORO dsb.), atau logistik berkaitan beserta sebuah hakmilik (geran) dan laporan pemeriksaan kenderaan (Sijil Puspakom). Semasa **proses penilaian** berjalan, **pemeriksaan** kenderaan syarikat **di tapak** akan dijalankan oleh pihak Majlis.
3. Memiliki **pejabat operasi** yang beralamat lengkap di dalam kawasan pentadbiran MPKj.
4. Memiliki **depoh** penstoran **tong RORO** dan kenderaan yang sah diperakui di dalam kawasan pentadbiran MPKj.
5. Mengemukakan maklumat **pengalaman syarikat** dalam hal pengurusan sisa buangan.
6. Mengemukakan **surat pendaftaran** dengan **tapak pelupusan sampah** ataupun kemudahan yang **dibenarkan** oleh Kerajaan atau Majlis sahaja.
7. Senarai **harga servis** dan kadar perkhidmatan kutipan yang dikenakan.
8. Mempunyai sekurang-kurangnya **10 biji tong RORO**.
9. Panel **kontraktor sisa binaan** yang **terpilih** akan diwajibkan mempunyai **colour code** bagi **tong-tong RORO** yang digunakan.